| Headline | Lautan sampah bawa musibah | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 10 Dec 2018 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 160,000 |
| Page No | 10 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 837 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 14,277 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 42,831 |

Sinar SIASAT
BONGKAR 1001 ISU



**Kerajaan sebelum ini sudah mengambil keputusan dengan menutup sebanyak 114 kilang haram memproses sisa plastik. Tindakan ini juga termasuk menyita beberapa kilang terbabit di Kuala Langat, Selangor. Namun adakah penyitaan itu mampu menyelesaikan isu secara tuntas? Mengapa sampah plastik masih ditemui dan dilonggok di tepi jalan, tepi sungai Kuala Langat. Ikuti laporan Wartawan Sinar Siasat minggu ini.**

# Lautan sampah bawa musibah

SIRI 1



**ADAKAH** permasalahan kilang mengitar semula pelbagai barangan plastik di Kuala Langat sudah diselesaikan sepenuhnya?

Selangor dijadikan tempat melonggok sampah plastik dari negara luar namun kerajaan negeri telah mengambil langkah drastik dengan menyita serta menutup beberapa kilang beroperasi secara haram mengitar semula pelbagai sampah plastik di Kuala Langat.

Benarkah masalah itu sudah diselesaikan secara tuntas? Berdasarkan tinjauan ke lokasi terdapat beberapa kilang telah disita serta ditamatkan operasi. Kawasan kilang didapati sudah sunyi.

Namun adakah situasi itu menunjukkan masalah sudah selesai sepenuhnya? Bagaimana dengan kewujudan timbunan sampah plastik di persisiran Sungai Langat di Pulau Carey?

Hasil tinjauan mendapati, timbunan itu adalah longgokan sampah plastik dari negara luar antaranya China, New Zealand, Amerika, United Kingdom dan Switzerland. Antaranya sampah yang tidak mudah terurai dalam tempoh singkat.

Sewaktu kami berada di lokasi itu, tiada seorang pun berada di sana. Sampah itu terbiar di tepi sungai.

Menurut penduduk berhampiran, lokasi di tepi sungai dijadikan tapak pembuangan sampah plastik sejak beberapa bulan lalu.

"Ada pihak buang sampah di tepi sungai ini tidak kira sampah basah, sampah kering, pelbagai barangan plastik, kaca dan macam-macam lagi," kata penduduk yang enggan namanya didedahkan.

Dia mendakwa, sampah plastik itu dibuang daripada lori-lori yang kemudian dilihat tergesa-gesa meninggalkan lokasi berkenaan.

Penduduk itu juga berkata, ada pihak yang kemudiannya melakukan pembakaran sampah di lokasi itu pada waktu malam.

"Kami sudah buat aduan kepada pihak berkuasa tetapi setakat ini tiada kelihatan tindakan yang jelas sudah diambil. Kami minta pihak berkuasa segera buat pemantauan dan turun padang meninjau kes ini pada waktu malam serta cuti umum.

"Sekarang musim hujan, kami risau longgokan sampah ini mendatangkan masalah pencemaran," katanya.

Berdasarkan kata-katanya, Wartawan Sinar Siasat memang menemukan sebahagian timbunan sampah plastik itu sudah ada yang dibakar.



Satu lokasi timbunan sampah plastik ditemukan berhampiran sungai di Pulau Carey.

Persoalannya, mengapa timbunan sampah jenis plastik itu dibiarkan di tepi sungai? Tiada benteng pemisah antara longgokan sampah itu dengan tebing sungai. Ibarat sekali sepak sahaja, timbunan sampah itu boleh bergolek ke dalam sungai. Bagaimana jika hujan?

Bukan satu kesalahan apabila persoalan itu dilontarkan oleh penduduk kerana sebelum ini dilaporkan hampir 300,000 penduduk di Kuala Langat terdedah risiko pelbagai jenis penyakit termasuk kanser apabila daerah tersebut dijadikan tempat longgokan plastik kitar semula dari serata dunia yang mana sisa-sisa cecair proses kitar semula plastik didakwa dilepaskan ke longkang dan anak sungai.

Bayangkan hasil kaji selidik NGO Greenpeace Malaysia mendedahkan, sejumlah besar sisa plastik diimport telah dibuang di bangunan terbengkalai atau dibiarkan membusuk di tempat terbuka dan ini bertepatan dengan penemuan Wartawan Sinar Siasat di sebuah lokasi di Pulau Carey.

Mengulas perkara itu, seorang aktivis dan wakil penduduk Jenjarom Kuala Langat, Pua Lay Peng juga melahirkan kerisauan memandangkan campuran plastik sampah dan plastik import yang tidak boleh dikitar semula boleh menyebabkan pencemaran teruk apatah lagi ia bertimbun di tepi sungai.

"Saya percaya sekurang-kurangnya terdapat 10 peratus sampah plastik yang tidak dapat dikitar semula. Misalnya sisa palet plastik, tidak boleh dikitar semula. Sampah itu perlu dibakar.

"Ia mengakibatkan pencemaran udara dan air yang boleh menyebabkan penyakit bahaya seperti kanser dan sakit paru-paru," katanya.

Terdahulu, dia mendakwa sekurang-kurangnya antara 80 dan 90 peratus kilang kitar semula plastik di Selangor beroperasi secara haram.

Sebelum ini, portal berita luar negara, RadioNZ dalam satu laporan mendedahkan bahawa ribuan tan sisa plastik dari New Zealand dikatakan dibawa masuk ke negara ini selepas China mengharamkan import sisa plastik.

Laporan itu menyebut hampir 40 kilang haram yang beroperasi di Jenjarom, Kuala Langat, membakar dan membuang air tercemar selepas mencuci sisa plastik sampah itu.

Persoalan yang timbul kenapa negara kita dijadikan lokasi pusat untuk menempatkan sampah ini sedangkan negara lain mengharamkan ia masuk ke negara mereka?

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Siapa mangsa seterusnya... | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 10 Dec 2018 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 160,000 |
| Page No | 12 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 497 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 8,478 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 25,433 |



# Siapa mangsa seterusnya...



Beginilah keadaan timbunan sampah di negara kita.

PERSATUAN Tindakan Alam Sekitar Kuala Langat menggesa Kerajaan Selangor, Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) memeriksa secara telus lesen premis perniagaan kilang plastik di daerah berkenaan.

Peguam dan juga aktivis NGO itu, CK Lee berkata, menjadi kewajipan pihak berkuasa untuk memantau secara konsisten sama ada terdapat pelanggaran atau premis berkenaan berselindung di sebalik lesen membuat barangan plastik.

"Sekurang-kurangnya terdapat 15 kilang plastik di daerah Kuala Langat tetapi kami sebagai NGO mahu tahu, sama ada lesen mereka itu digunakan secara telus.

"Kami bimbang jika lesen pembuatan barangan plastik disalahgunakan untuk menjalankan operasi mengitar semula barangan plastik. Ia adalah dua aktiviti berbeza. Pihak kami juga bimbang peraturan dalam pelupusan sisa plastik, termasuk pembuangan sampah dan pembakaran secara terbuka dilakukan oleh premis-premis tersebut," katanya.

Menurutnya, Persatuan Tindakan Alam Sekitar Kuala Langat sedia maklum pihak berkuasa sudah mengambil tindakan dengan menyita serta membuat pemotongan bekalan elektrik terhadap beberapa premis yang beroperasi tanpa lesen di Kuala Langat.

"MDKL mesti terus buat pemantauan berkala untuk memastikan kilang itu benar-benar menghentikan aktiviti sepenuhnya. Tolong siasat sembilan dari 15 kilang yang ada itu, "katanya.

Menurut aktivis itu lagi, pihak berwajib perlu memantau sejauh mana ketelusan pemberian lesen kepada premis itu sama ada mereka mematuhi syarat lesen untuk buat barangan plastik atau kitar plastik.

"Sama ada premis itu memproses sampah plastik tempatan atau import dengan memiliki Permohonan Lesen Import. Perlu diselidik jumlah tan sampah plastik diproses, termasuk lokasi sisa proses plastik dibuang sama ada menunjukkan pelanggaran peraturan dalam pelupusan sisa, pembuangan sampah dan pembakaran secara terbuka.

"Mungkinkah wujud skandal salah guna kuasa atau rasuah dalam perlu diselidiki pihak berwajib," tegasnya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Tindakan Alam Sekitar Kuala Langat Tan Ching Hin berkata, persatuannya aktif menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa tempatan bagi membanteras aktiviti kitar semula plastik secara haram di Kuala Langat, sejak Julai tahun ini.

"Kami mahu pihak berkuasa periksa, jika kegiatan kitar semula plastik secara haram masih berlaku.

"Kami buat tinjauan sendiri mendapati terdapat premis yang masih ada bekalan plastik yang terlalu banyak dan bagaimana mereka uruskan?" Soalnya.

Jelas Ching Hin, terdapat beberapa premis masih mempunyai sejumlah besar sisa plastik yang diimport disimpan di premis yang disita itu dan pada masa sama ada yang dibiarkan berlonggok di tempat terbuka di Pulau Carey.

Berdasarkan pemerhatian Wartawan Sinar Siasat, terdapat kesan pembakaran semula yang pastinya mengakibatkan pencemaran udara dan sampah-sampah itu juga pastinya mencemarkan sungai kerana dilonggok di tepi sungai.

Mengulas perkara itu Ching Hin berkata, ia menunjukkan pelanggaran peraturan secara dalam pelupusan sisa plastik apabila melakukan pembuangan sampah dan pembakaran secara terbuka.

Dalam pada itu dia mendakwa mendapat maklumat bahawa beberapa pengusaha kitar semula plastik kini menukar modus operandi mereka ke tempat lain dipercayai sekitar Semenyih, Kuala Kubu Bharu, Bukit Pelanduk dan Port Dikscon.

Umum tahu tindakan keras Kerajaan menutup 114 kilang haram memproses sisa plastik sekitar Julai lalu,namun persoalannya adakah kita benar-benar sudah menangani masalah sampah ini?

Kuatkah tahap penguatkuasaan kita atau tidak mustahil wujudnya penyelewengan, tauke-tauke kilang berselindung di sebalik lesen perniagaan membuat plastik.

Kisah di Kuala Langat ini bukan baharu kerana penduduk Telok Panglima Garang misalnya, kerap mengadu kesihatan terjejas akibat pencemaran udara dari pembakaran plastik, malah bukan sedikit mendakwa sesak nafas, batuk dan sukar tidur gara-gara terhidu asap bertoksin.

Jika benar, mereka pindah dari Kuala Langat, pastinya ada mangsa baharu di daerah baharu itu!



**Ching Hin ketika mengikuti pihak berkuasa memasuki sebuah kilang kitar semula plastik di Kuala Langat.**

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Kesan asap tersebar 5 KM | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 10 Dec 2018 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 160,000 |
| Page No | 13 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 376 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,414 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 19,242 |



# Kesan asap tersebar 5 KM



Beginilah keadaan asap ketika pembakaran sampah dilakukan.

Perbuatan khianat pemilik sampah haram plastik import memproses sampah berkenaan di sekitar Kuala Langat dengan kaedah membakar sampah berkenaan mampu memberi kesan kepada kesihatan penduduk setempat dan alam sekitar.

Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar berkata, bahan plastik yang mempunyai elemen hidrokarbon apabila dibakar akan memberi kesan kepada kesihatan penduduk.



DR ZAINAL ARIFFIN

Menurutnya, dalam jangka masa pendek, penduduk yang mempunyai alahan kulit atau masalah penafasan pasti akan mendapat kesan terus susulan pembakaran terbuka ini.

"Dalam jangka masa panjang, jika pembakaran terbuka plastik import ini diteruskan dan penduduk terdedah kepada pencemaran udara dalam tempoh yang lama, mereka berisiko untuk menghidap sakit kanser.

"Tiada kajian khusus yang dibuat untuk kesan pembakaran plastik import ini tapi ada yang kata dalam tempoh lima ke 10 tahun, penduduk mempunyai risiko terkena kanser," katanya kepada Wartawan Sinar Siasat.

Ia susulan penduduk di Kuala Langat mendakwa kesihatan mereka terjejas akibat aktiviti pembakaran sampah plastik dari kilang yang beroperasi dalam daerah berkenaan.

Zainal berkata, sejauh mana kesan pembakaran terbuka aktiviti kilang tar semula plastik berkenaan adalah bergantung kepada kepadatan penduduk dan juga arah angin.

Menurutnya, dianggarkan kesan penyebarannya boleh mencapai sejauh lima kilometer daripada lokasi pembakaran berkenaan.

"Kalau di negara maju luar negara, mereka tidak benarkan lagi membuat pembakaran terbuka lebih-lebih lagi bagi industri yang menyumbang kepada pencemaran alam sekitar seperti ini walaupun menguntungkan.

"Oleh itu, kita di pihak persatuan berharap agar masalah ini tidak berulang lagi bukan hanya di Kuala Langat bahkan di lokasi-lokasi lain di negara ini," tegasnya.

Namun menurutnya, apa yang dibimbanginya kini ialah apabila ada pihak melupuskan plastik sampah berkenaan dengan kaedah tidak betul.

"Kalau ada yang bakar di tempat-tempat yang jauh dari orang ramai, tempat-tempat tersorok atau buang di tepi-tepi sungai, ini tentu sahaja akan beri kesan kepada pencemaran alam sekitar yang akan turut dirasai penduduk.

"Kita harap agar penguatkuasaan dipertingkatkan dan orang awam juga dapat terus menyalurkan maklumat kepada agensi berkaitan untuk memastikan aktiviti ini dapat diatasi," katanya.

>> BERSAMBUNG ESOK

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | PKNS baik pulih rumah asnaf | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 10 Dec 2018 | Color | Full Color |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 160,000 |
| Page No | 19 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 420 cm² |
| Journalist | NORAFIZA JAAFAR | AdValue | RM 7,164 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 21,493 |




# PKNS baik pulih rumah asnaf

*Peruntuk RM462,496 di bawah program tanggungjawab sosial*

NORAFIZA JAAFAR

**GOMBAK**

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di bawah program tanggungjawab sosial korporat (CSR) memperuntukkan RM462,496 untuk kos baik pulih 16 rumah asnaf dan RM140,000 bantuan persekolahan di daerah Gombak.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif PKNS, Norita Mohd Sidek berkata, program serentak yang diadakan semalam seiring dengan matlamat syarikat hartanah itu untuk kelestarian komuniti.

Menurutnya, bantuan baik pulih rumah telah dijalankan sejak 2013 mengikut giliran daerah bermula Sabak Bernam, Kuala Selangor, Petaling Jaya, Sepang dan Hulu Selangor.

"Tahun ini giliran Gombak menerima bantuan tersebut dengan anggaran baik pulih setiap rumah antara RM14,000 sehingga RM47,000 yang dijalankan sejak Januari lalu, dijangka siap hujung tahun ini.

"Sebanyak 113 rumah telah dibaik pulih di bawah program CSR PKNS menjadikan kes keseluruhan yang dibelanjakan adalah RM2.9 juta," katanya pada Majlis Penyampaian Baik Pulih Rumah dan Bantuan Persekolahan dengan kerjasama Lembaga Zakat Selangor (Zakat Selangor) di Masjid Al- Khairiyah di sini, semalam.

Turut hadir Ahli Majlis Jawatankuasa Penduduk Zon 4, Azhari Daud mewakili Menteri Besar, Amirudin Shari dan Ketua Pegawai Penyelaras Zakat Selangor, Abdul Basith Hamid.

> ***Tahun ini giliran Gombak menerima bantuan tersebut dengan anggaran baik pulih setiap rumah antara RM14,000 sehingga RM47,000."***
> *- Norita*

Dalam majlis sama menurutnya, PKNS turut menyampaikan beg sekolah dan alat tulis kepada 1,959 pelajar dari kategori asnaf fakir dan miskin.

"Penerima terdiri 975 pelajar sekolah menengah, 929 murid sekolah rendah dan 55 kanak-kanak tabika.

"Program ini telah diadakan dengan kerjasama PKNS sejak 2016 di bawah Kasihku Zakat Selangor dan berharap ia dapat mengurangkan beban kepada keluarga memerlukan," katanya.



**Norita (kanan) beramah mesra bersama penerima bantuan baik pulih rumah.**



**Penerima bantuan baik pulih rumah daerah Gombak.**

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Pertahan kampung dari Projek CAR berhasil | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 10 Dec 2018 | Color | Full Color |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 160,000 |
| Page No | 19 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 303 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,168 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 15,504 |



# Pertahan kampung dari Projek CAR berhasil

**RAWANG** - Perjuangan 13 tahun penduduk Kampung Baru Sungai Terentang di sini yang membantah Projek Pengukuhan Sistem Kawasan Tengah (CAR) menggunakan kawasan kampung berakhir dengan berita gembira.

Adun Rawang, Chua Wei Kiat berkata, status semasa projek rentis talian bekalan elektrik di bawah Tenaga Nasional Berhad (TNB) itu memihak kepada penduduk selepas cadangan jajaran baru diluluskan.

Susulan itu menurutnya, lima menara yang telah dipasang sewaktu awal projek bakal dirobohkan selewat-lewatnya enam bulan dari sekarang.

"TNB memaklumkan pihaknya dalam proses tender bagi kerja perobohan menara dan struktur yang berkaitan di tapak Kampung Baru Sungai Terentang yang mengambil masa enam bulan dari sekarang.

"TNB turut mengesahkan jajaran 33KV di bawah izin lalu di kampung itu oleh kerajaan British kepada Lembaga Lektrik Negara sejak 1949 tidak lagi diperlukan dan dibatalkan, juga akan dirobohkan," katanya yang ditemui di lokasi dalam program edaran kalender 2019, semalam.



Wei Kiat (kiri, berdiri) menyantuni penduduk Kampung Baru Sungai Terentang di program edaran kalender 2019, semalam.

Terdahulu, Sinar Harian pernah melaporkan kekecohan di kawasan kampung baru itu pada 2012 oleh penduduk yang menghalang TNB memulakan kerja di jajaran asal selepas keputusan mahkamah memihak kepada TNB.

TNB dibenarkan meneruskan projek tetapi perlu membayar pampasan sebanyak RM10.4 juta kepada penduduk terlibat.

Bantahan penduduk susulan jarak jajaran dengan rumah terlalu hampir dan faktor keselamatan kerana talian bekalan elektrik itu 275KV berbanding 33KV sebelum ini.

Bantahan tersebut telah mendapat campurtangan kerajaan negeri di bawah bekas Menteri Besar, Tan Sri Khalid Ibrahim yang mengarahkan agar projek CAR itu dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN)

Wei Kiat berkata, MMKN pada 2016 bersetuju menarik balik pengambilalihan tapak jajaran asal itu melibatkan 35 lot tanah penduduk.

"Pengambilalihan bagi jajaran CAR 275kV selepas cadangan jajaran baru dari Bukit Terek ke Chubadak diluluskan oleh kerajaan negeri dan TNB.

"Unit Perancang Ekonomi telah membuat permohonan rasmi kepada pejabat tanah dan daerah Gombak tahun lalu bagi penarikan balik tanah di bawah Seksyen 35 APT 1960," katanya.

Katanya, masalah itu berlanjutan dalam tempoh panjang disebabkan perbezaan pentadbiran antara negeri dan pusat sebelum PRU14.

"Saya yakin masalah itu mampu diselesaikan segera selepas perubahan kerajaan baharu, dan maklum balas yang diterima berkenaan perkembangannya juga positif.

"Penduduk mohon perkara itu diselesaikan segera bagi mengelak keputusan yang dicapai sebelum ini terbatal sekiranya berlaku perubahan kerajaan pada masa akan datang," katanya.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | IPR terus diperkasa untuk rakyat | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 10 Dec 2018 | Color | Full Color |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 160,000 |
| Page No | 24 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 214 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,650 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 10,951 |





**Harumaini (duduk, tiga kiri) bersama penduduk pada program yang turut menyalurkan bantuan barang keperluan kepada keluarga kurang berkemampuan.**

# IPR terus diperkasa untuk rakyat

**SUNGAI CHOH** - Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) diperkasakan melalui penjajaran semula oleh kerajaan negeri selepas program itu mendapat sambutan hangat.

Adun Batang Kali, Harumaini Omar berkata, agenda kebajikan rakyat melalui IPR tetap diteruskan kerana memberi manfaat kepada golongan sasar B40.

Menurutnya, terdapat beberapa program disejajarkan semula dan ditambah baik bagi meningkatkan kualiti program supaya dana dibelanjakan secara terbaik kepada rakyat.

"Contohnya Skim Peduli Sihat yang turut ditawarkan Kerajaan Persekutuan melalui insurans, termasuk mengkaji Tabung Warisan Anak Selangor untuk diberikan kepada negeri lain.

"Bagi program pemberian air percuma, kita ambil maklum bahawa golongan B40 lebih memerlukan, justeru kita menawarkan lebih meter padu kepada mereka kerana kita tahu nilai RM10 itu sangat besar ertinya.

"Begitu juga dengan KISS, kita tidak potong tetapi tambah baik dengan memberi tambah nilai melalui program pemberdayaan keusahawanan dan kemahiran," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui pada program perpaduan masyarakat di Kampung Koskan, Tan Kosaso, Taman Ehsan Ibu dan Kampung Mohd Taib, di sini semalam.

Harumaini berkata, Menteri Besar, Amirudin Shari menegaskan pensejajaran program IPR hanya membabitkan beberapa agenda manakala selebihnya masih diteruskan seperti biasa.

Dalam pada itu beliau berkata, kerajaan negeri melaksanakan beberapa strategi bagi memastikan ia diberdaya dari program pemberian kepada pemerkasaan.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MBPJ introduces new one-stop app for licensing process | | |
| MediaTitle | The Star | | |
| Date | 10 Dec 2018 | Color | Full Color |
| Section | Metro | Circulation | 201,943 |
| Page No | 2 | Readership | 605,829 |
| Language | English | ArticleSize | 371 cm² |
| Journalist | Christina Low | AdValue | RM 19,867 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 59,602 |



# MBPJ introduces new one-stop app for licensing process

By CHRISTINA LOW
christinalow@thestar.com.my

CHECKING the approval of your business licences can be a tedious and often time-consuming process but the Petaling Jaya City Council (MBPJ) hopes to resolve this with the introduction of an e-licence mobile app.

However, the eLesen MBPJ app introduced in October received lukewarm response from the public despite the city council's continuous effort to encourage business owners and the public to download the app through banners and bunting placed around the city.

"We are not sure why people are not downloading it, maybe they feel it is not important to them," said MBPJ licensing department director Sharinaz Samsudin.

She said the mobile app was useful especially for first-time applicants and those who had licences rejected.

"These applicants come to our counters only to be told their application has been rejected because they did not fulfil certain criteria or did not submit the required documents.

"To me, it is a waste of time for them to come all the way to our counters only to turn back," she said, adding that the new app is an upgrade from its previous Web-based version.

With the mobile app, applicants can save time by checking on updates and statuses of their applications.

She said those who could not renew their business licences due to unpaid summonses would also be informed through the app.

"They can pay their summonses before renewing their licences and it will definitely speed up the waiting process for everyone," she added.

Meanwhile, the public can also participate by checking the business licence of premises they frequent by scanning the MBPJ-issued QR code placed at shop entrances for details. Through the QR code, the user will see details such as name and address of the premises, nature of business it is licensed to operate and validity of the licence.

MBPJ will also make relevant announcements and disseminate information through the mobile app.

The app is currently available for free on the Google Play store only.




The eLesen MBPJ app also allows the public to check whether a business has a licence by scanning a QR code sticker usually found in front of a shop or restaurant.




(From left) MBPJ licensing department senior assistant officer Nor Hafifah Abdul Latif, Sharinaz, MBPJ enforcement director Mohd Fauzi Maarop and MBPJ licensing department assistant trade director Siti Hajar Abdul Raffar with the new e-licence mobile app called eLesen MBPJ.

Powered by: isentia

| Headline | MPS wants machinery yard owner to confirm land status | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | The Star | | |
| Date | 10 Dec 2018 | Color | Full Color |
| Section | Metro | Circulation | 201,943 |
| Page No | 4 | Readership | 605,829 |
| Language | English | ArticleSize | 277 cm² |
| Journalist | EDWARD RAJENDRA | AdValue | RM 14,834 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 44,501 |



# MPS wants machinery yard owner to confirm land status

By EDWARD RAJENDRA
edward@thestar.com.my

OPERATING on agricultural land, a machinery yard at the fringe of a housing area in Bandar Country Homes, Phase 4, Rawang, was sealed for three days.

Even the lorries were not allowed to use the residential road.

It is learnt that Selayang Municipal Council (MPS) has ordered the proprietor to discuss the land status, suggest an alternative route for its lorries and pollution measures that need to be taken if the business was to continue.

According to the MPS Planning Department, the closure order for the yard ended last week and the council wants to resolve the matter with the business owner.

On Nov 12, *StarMetro* reported that residents living in Jalan Desa 4/6 and its immediate vicinity were irked by the high dust pollution caused by lorries dropping mud along the residential road as they enter the machinery yard.

According to resident Omar Din, 73, he had pointed out to MPS that the lorries cannot use the residential road to enter the machinery yard because aside from damaging the road, it was also putting residents at risk, especially children.

Omar urged MPS to ask the machinery yard to move or find an alternative site that does not traverse the residential area.

Early last week, MPS Planning Department deputy officer Abd Razak Alias, with Planning Department staff Mohamad Afifi Zulkifli, Enforcement Department officer Rosmidi Talib and councillor P. Mariammal S.Ponnusamy were seen visiting the site.

*StarMetro* asked Abd Razak on the status of the case, but he was tight-lipped on the issue.

"I am unable to comment at this moment as various council departments are involved and the matter needs to be resolved soon," he added.




Mariammal, (second from left) together with Abd Razak (on her left), Mohamad Afifi (on her right) and Rosmidi sealing the machinery yard at Bandar Country Homes, Rawang.

| Headline | Mayor: Reduce use of plastic, polystyrene to take Shah Alam forward | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | The Star | | |
| Date | 10 Dec 2018 | Color | Black/white |
| Section | Metro | Circulation | 201,943 |
| Page No | 4 | Readership | 605,829 |
| Language | English | ArticleSize | 266 cm² |
| Journalist | BRENDA CH'NG | AdValue | RM 6,767 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 20,301 |



# Mayor: Reduce use of plastic, polystyrene to take Shah Alam forward

By BRENDA CH'NG
brenda@thestar.com.my

SHAH ALAM residents were reminded once again to reduce the use of plastic bags and polystyrene during a two-day carnival organised by the city council.

The carnival at Dataran Kemerdekaan in Shah Alam was aimed at raising awareness of bio-degradable products such as plastic, food containers and bags.

"This is one way which we can show our commitment to saving the environment, by educating the public on reducing the use of plastic and polystyrene," said mayor Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad at the event.

The carnival, he added, was encouraged by the state government, which has allocated RM20,000 for this Plastic Free and Food Truck 2018 carnival.

The carnival was also in line with Shah Alam City Council's (MBSA) plan to reduce carbon emissions by 45% before 2030.

"In fact, we have conducted a number of green programmes and initiatives since 2016, such as advocating the ban of plastic and polystyrene use at bazaars and commercial outlets," he said.

MBSA also introduced the green bag to Ramadan Bazaar traders.

"We are very committed in our plan to make Shah Alam a low carbon city in 2030, and I hope that recycling will become a culture here in the city," he said.

At the carnival, there were two rows of food trucks selling a variety of food and drinks.

There were also performances to entertain the crowd, as well as activities for children and exhibitions.

Present to launch the event was Selangor Environment, Green Technology and Consumer Affairs Committee chairman Hee Loy Sian, who said events such as this was helping the state to raise awareness of going green and recycling initiatives.

"The use of plastic and polystyrene has to stop. It may be troublesome for users to bring their own recyclable bags, but it is for the good of the environment and it will soon become a habit," he said.

He added that the more plastic was used, the more illegal plastic recycling factories would mushroom, causing pollution.

Next year, the state will be focusing on reducing the use of straws at all business premises.

"Everyone is encouraged to bring their own stainless steel straws or just drink directly from the cup without a straw.

"There will not be a ban on straws yet. We will encourages business owners to stop giving out straws," he said.

Apart from that, the state is also looking into collecting the money made by businesses from selling plastic bags to customers next year.

He explained that the 20sen paid for every plastic bag can come up to millions, and this might be used as an opportunity for some businesses to make money.

"We do not know where the money goes. To stop this, the state has plans to collect all sales of plastic bags from commercial outlets.

"This money will be used by the state to produce recyclable bags, to be given out for free to the public," he said.

Hee said he was also looking at carrying out recycling campaigns at schools next year, starting with the primary schools.

At the event, MBSA received two awards from World Wide Fund for Nature for being a finalist in the One Planet City Challenge Malaysia 2018, and winning of the nationwide We Love Cities 2018 contest.

Powered by: isentia

| Headline | A pat on the back for all | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | The Star | | |
| Date | 10 Dec 2018 | Color | Full Color |
| Section | Metro | Circulation | 201,943 |
| Page No | 1,15 | Readership | 605,829 |
| Language | English | ArticleSize | 1025 cm² |
| Journalist | C.Y. LEE | AdValue | RM 54,679 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 164,037 |






SPORT

Celebrating another successful Sultan of Selangor's Cup

>15



The Under-16 squad in a group shot with Tengku Amir (second row, sixth from left) at the appreciation event for sponsors of The Sultan of Selangor's Cup 2018.

# A pat on the back for all

## Sponsors involved in organising prestigious football tourney feted to high tea

By C.Y. LEE
chenyoong@thesstar.com.my

LIKE a well-oiled assembly of gears, the parties involved in this year's The Sultan of Selangor's Cup (TSSC) were the driving factor behind the success of the prestigious tournament.

Both the public and private sectors had, in the months leading up to the 17th edition on Aug 25 this year, worked together tirelessly to host three matches for the first time in Selangor.

At a high tea to appreciate the efforts put in by all parties, TSSC organising chairman Abd Karim Munisar said it was well worth it after seeing the end result.

"Organising three matches in one day is not easy, and this was the first time for us, but as we saw on Aug 25 this year, everything went according to plan.

"But this did not come easy. This was a result of the concerted efforts from all parties involved who were driven by success as well as the Raja Muda and the Sultan's commitment to make it a great event for the people."

Raja Muda of Selangor Tengku Amir Shah, who attended the ceremony at Concorde Hotel Kuala Lumpur, presented the certificates of appreciation signed by Sultan of Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah to the individuals and organisations involved.

"The attendance of the Raja Muda of Selangor at ceremony was extremely meaningful to those who were involved in the 2018 edition," Abd Karim said.

"If not for the contribution of the Selangor state government, the sponsors, organising committee and many others, this prestigious event which is looked forward to by so many would not have been possible.

"I must also thank the police for ensuring the safety of all spectators during the event, which took place without any untoward incidents," he added.

The 17th edition this year was a memorable night of football glory on top of the carnival-like atmosphere at the Shah Alam Stadium this year.

The Selangor teams, playing to a 60,000-strong crowd, created history this year by defeating their counterparts in the Selangor Selection, Veteran and Under-16 matches.

The next edition of the Sultan of Selangor's Cup will be held once more at the same venue.

Abd Karim said that while the dates have not been confirmed, the committee is always looking at ways to make the event better every year.

"We can expect improvement from the programme we had this year as we are always thinking about how we can try to be better.

"While the Under-16 Selangor-Singapore School's Challenge which was organised for the first time, was not a big draw for the spectators, I am confident this trophy will be a draw to the younger football players and encourage them to be inspired and improve themselves in their dream to be better footballers," he added.

Support for this year's edition saw over RM1.2mil received in sponsorship, with RM689,000 contributed by Selangor state government-linked companies.

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) returned as title sponsor with RM300,000.

Other sponsors included Selangor State Treasury, Permodalan Negeri Selangor Bhd, Kingsley Seeds Foundation with contributions of RM100,000 each, KDEB Waste Management (RM88,888.88), Menteri Besar Incorporated, Worldwide Holdings Bhd, Syarikat Splash Bhd, Taliworks Corporation Bhd, Eco World Development Group Bhd, SP Setia Bhd, Everspring Land Sdn Bhd, Nirvana Group, Aiman Platinum Sdn Bhd, Ampang Heights Holdings Sdn Bhd with RM50,000 contributions each.

Star Media Group Bhd remains the official English media partner.

Tanjung Balai Auto Sdn Bhd also contributed a brand new Honda City sedan as the grand lucky draw prize.



Tengku Amir (right) and Abd Karim sharing a light moment while browsing through the souvenir book of The Sultan of Selangor's Cup 2018. — Photos: SHAARI CHE MAT/The Star



Tengku Amir (right) and Abd Karim (centre) with PKNS chief corporate officer Siti Zubaidah Abd Jabar at the event.



A file picture of the Selangor vs Singapore Selection showdown that opened with a bang at the Shah Alam Stadium in August.

Powered by: isentia